MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 1/2016
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh	**:**	**2 – 3 Mac 2016**
Masa	**:**	**8.00 pagi – 5.00 petang**
Tempat	**:**	**Bilik Mesyuarat, ILP Kuala Lumpur**
Pengerusi	**:**	**Timbalan Ketua Pengarah**
Kehadiran	**:**	**Seperti di Lampiran A**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 1/2016 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan akhir pelajar sesi keluaran 2/2015 bagi membolehkan pelajar yang telah tamat pengajian layak menghadiri Majlis Konvokesyen ILJTM pada tahun ini.

Makluman

1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis Konvokesyen bagi Tahun 2016 akan dibuat lebih awal iaitu pada 28 Julai 2016. Pengerusi mencadangkan agar Majlis Konvokesyen dibuat pada bulan Jun setiap tahun supaya tempoh antara pelajar tamat latihan pada bulan Disember sehingga tarikh majlis adalah sekurang-kurangnya 6 bulan dan kebarangkalian pelajar telah bekerja adalah lebih tinggi.

Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 2/2015

2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 2/2015 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 2/2015

3.1 PP(KT) membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 2/2015 seperti di **Lampiran 1.**

Makluman

3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa **JPK telah memutuskan supaya JTM membuat permohonan pengecualian kelulusan pengiklanan kepada Ketua Pengarah JPK**.

Tindakan: P(PL)

3.3 Mesyuarat ambil maklum dengan laporan statistik pelajar yang tidak layak dipersijilkan seperti di **Lampiran 2**.

Makluman

3.4 Mesyuarat memutuskan **borang permohonan berhenti perlu diselaraskan dan kenal pasti soalan yang perlu ditanya dalam borang tersebut. Laporan statistik dan analisa punca pelajar berhenti perlu dibentangkan dalam mesyuarat berdasarkan maklumbalas pelajar.**

Tindakan: P(PL) dan P(PP)

3.5 Mesyuarat mencadangkan **pembentangan statistik pelajar yang tidak layak dipersijilkan perlu diasingkan bagi kriteria berhenti dan diberhentikan**. Selain daripada itu, **bilangan pelajar yang mendaftar dan tempoh pelajar berhenti perlu dimasukkan di dalam statistik tersebut.**

Tindakan: P(PL) dan P(KT)

3.6 Mesyuarat ambil maklum **pembentangan statistik pelajar yang tidak layak dipersijilkan pada mesyuarat akan datang adalah termasuk sesi keluaran yang terlibat dalam pembentangan keputusan persijilan**.

Tindakan: P(KT)

3.7 Mesyuarat ambil maklum isu penjawatan pengajar Automotif di ADTEC Kemaman telah selesai. Selain dari itu, latihan bagi pengajar automotif di Jepun telah dilaksanakan melibatkan 10 orang pegawai pada tahun lepas.

Makluman

3.8 Mesyuarat bersetuju **urusetia atau setiausaha Jawatankuasa Kepakaran perlu memainkan peranan supaya maklumat dan keputusan mesyuarat jawatankuasa dapat dimaklumkan kepada institut yang berkenaan. Minit mesyuarat perlu diedarkan untuk makluman dan tindakan setiap institut.**

Tindakan: Semua Pengerusi JK Kepakaran

3.9 Pengerusi memaklumkan beberapa kursus perlu digabungkan dalam satu Jawatankuasa Kepakaran kerana terdapat persamaan dari segi latihan dan kepakaran.

Makluman

3.10 Mesyuarat dimaklumkan **bilangan ahli setiap JK Kepakaran tidak perlu terlalu ramai bagi memastikan objektif jawatankuasa dan pelaksanaan mesyuarat berjalan dengan lancar**. Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran boleh **menyenaraikan senarai baru bagi ahli Jawatankuasa Kepakaran masing-masing kepada KPP(KT) bagi tujuan lantikan semula untuk tahun 2016 hingga 2017**.

Tindakan: Semua Pengerusi JK Kepakaran

3.11 Mesyuarat dimaklumkan **pelajar yang memasuki program Teknologi Elektrik dengan kelayakan B19 perlu mendaftar dalam TMS dengan menggunakan kod tersebut. Bagi tujuan pendaftaran modul, pihak institut perlu merujuk kepada kod modul dalam silibus B01.**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

3.12 Mesyuarat ambil maklum **mana-mana institut yang hendak menawarkan program PW4 untuk tempoh dua tahun boleh memohon kepada ST dan perlu melalui Ibu pejabat.**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

3.13 Pengerusi memaklumkan jabatan akan menyelaras penawaran program kompetan bagi Teknologi Elektrik. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat JK Kepakaran Teknologi Elektrik dan akan dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Makluman

3.14 Mesyuarat bersetuju borang perjanjian pelajar tidak perlu diwujudkan.

Makluman

3.15 Mesyuarat dimaklumkan Unit Kurikulum, Ibu Pejabat telah mengadakan taklimat kepada wakil institut mengenai panduan pemetaan silibus dan NOSS mengikut ketetapan JPK pada 23 Februari 2016 di ILP Kuala Langat.

Makluman

3.16 BKT merancang untuk **menyelesaikan pemetaan semua silibus dalam tempoh tiga tahun bagi memastikan tiada isu berkaitan silibus dan WIM semasa proses permohonan pentauliahan program di institut**. **Sekiranya silibus JTM diiktiraf setara dengan NOSS, panel tidak boleh mempertikaikan format WIM yang dibangunkan oleh jabatan.**

Tindakan: P(KT)

3.17 Mesyuarat bersetuju **JTM akan hantar surat makluman kepada Ketua Pengarah JPK memaklumkan ILJTM akan mempraktikkan perkongsian peralatan sesama institut bagi memastikan latihan dapat dijalankan mengikut keperluan NOSS.**

Tindakan: P(KT)

3.18 Mesyuarat turut bersetuju **jabatan akan hantar surat bantahan kepada JPK berkaitan beberapa panel yang dilantik oleh jabatan tersebut bagi proses pentauliahan program.**

Tindakan: P(KT)

3.19 KPP(KT) memaklumkan **tiada halangan dengan cadangan untuk mewujudkan kod kursus khas untuk program Teknologi Kimpalan di ILP Anjung Muadzam Shah**.

Tindakan: KPP(KT) dan Pusat Data TMS

3.20 Mesyuarat bersetuju dengan **cadangan penyelesaian bagi pendaftaran SKM untuk program di ILP Anjung Muadzam Shah** seperti berikut:

a) **Program Automotif** akan mendaftar bagi **Tahap 2 di ILP Kuantan**. Manakala pendaftaran **Tahap 3 akan dibuat di institut yang menerima pelajar berkenaan. ILP Anjung Muadzam Shah akan melaksanakan latihan sebagaimana yang dicadangkan oleh Unit Kurikulum** seperti di **Lampiran 3.**

b) **Program Kimpalan** akan mendaftar **Tahap 3 di ILP Kuantan**. **Sekiranya pelajar dipindahkan ke ILP lain, pihak ILP Kuantan perlu membatalkan pendaftaran SKM dan mendaftar semula pelajar tersebut di institut yang menerima.**

Tindakan: P(ILP Kuantan) dan P(ILJTM) berkenaan

4.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN 1/2015

4.1 PP(KT) membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran 2/2015 seperti di **Lampiran 4.**

Makluman

4.2 Mesyuarat dimaklumkan WIM bagi Teknologi Komputer Sistem Semester 1 dan 2 telah siap disemak oleh urusetia dan akan diedarkan dalam masa terdekat. Manakala WIM bagi kursus Teknologi Pembuatan (Perkakasan–*Die*) telah lengkap kerana masih menggunakan silibus lama.

Makluman

4.3 **Unit Kurikulum akan menyemak semula silibus bagi kursus Kimpalan bagi memastikan isu berkenaan carta aliran dan carta perbandingan dapat diselesaikan.**

Tindakan: Pengerusi JK berkenaan

4.4 Mesyuarat dimaklumkan **arahan untuk menggunakan fungsi '*Withdraw Not Complete*' telah dimaklumkan pada tahun lepas** dan kemungkinan pemahaman dan pelaksanaan tidak menyeluruh. **BKT akan keluarkan memo bagi menjelaskan fungsi '*Withdraw Not Complete*' ini.**

Tindakan: P(KT)

4.5 Mesyuarat dimaklumkan lanjutan daripada maklumbalas Bengkel Penilaian Kendiri dan juga pegawai JPK yang membuat pemantauan semasa minggu peperiksaan akhir mengenai kelemahan pelaksanaan *Core Ability* di ILJTM, BKT telah mengambil inisiatif dengan mengadakan sesi taklimat pelaksanaan *Core Ability* pada semua wakil institut pada tahun lepas.

Makluman

5.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 2/2015 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

Jawatankuasa Kepakaran Automotif:

5.1 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Automotif Sesi 2/2015 dibentangkan oleh setiausaha Jawatankuasa Kepakaran Automotif seperti di **Lampiran 5.**

Makluman

5.2 Mesyuarat dimaklumkan kegagalan peperiksaan amali bagi Semester 2 adalah tinggi kerana pelajar tidak dapat menyiapkan proses *overhaul* mengikut masa yang ditetapkan. Perkara ini berlaku kerana peralatan latihan tidak mencukupi, pelajar belajar secara berkumpulan dan bilangan pelajar terlalu ramai.

Makluman

5.3 Mesyuarat **bersetuju agar penambahbaikan dibuat** seperti berikut:

a) Pelajar perlu **membuat latihan overhaul sekurang-kurangnya 2 atau 3 kali supaya mahir dan boleh menyiapkan amali peperiksaan akhir dalam masa yang ditetapkan.**

b) Ketua Bahagian institut yang **peratus kegagalan tinggi perlu membuat tindakan penambahbaikan dan laporkan kepada JK Kepakaran**.

c) **Pengarah institut diminta menyokong penambaikan yang dilaksanakan** di peringkat bengkel.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan:

5.4 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Kimpalan Sesi 2/2015 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan seperti di **Lampiran 6.**

Makluman

5.5 P(PK) memaklumkan **peruntukan untuk membaiki peralatan/mesin akan dihantar ke institut dan meyarankan agar institut menyenaraikan kerosakan peralatan mengikut keutamaan untuk diperbaiki.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

5.6 Pengerusi mencadangkan agar **lawatan *benchmark* ke IKM Jasin dibuat untuk mempelajari kaedah penyelenggaraan yang dilaksanakan di institut berkenaan bagi mengurangkan kos pembaikan.**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

5.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa mesyuarat penyelarasan dengan semua KB Kimpalan ILJTM semenanjung telah dibuat di ADTEC Jerantut bagi menerangkan punca kegagalan WQT dan kaedah untuk mengatasinya. **Mesyuarat penyelarasan melibatkan ILJTM Zon Timur akan diadakan di ADTEC Bintulu bagi tujuan yang sama dan juga akan membincangkan perancangan untuk JK membantu pengajar baru di ADTEC Bintulu melaksanakan latihan amali.**

Tindakan: JK Kepakaran Kimpalan dan P(ILJTM) yang berkenaan

5.8 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan telah bersetuju dalam Mesyuarat Bersama Jabatan pada tahun lepas untuk membenarkan pegawai membuat tuntutan bayaran memperbaharui lesen *welding inspector* dimana pegawai perlu membayar terlebih dahulu dan tuntutan dibuat kemudian. **JK Kepakaran Kimpalan perlu menyenaraikan senarai nama pengajar yang memiliki persijilan Welding Inspector untuk diangkat bagi kelulusan Ketua Pengarah bagi tujuan tuntutan bayaran memperbaharui lessen tersebut.**

Tindakan: JK Kepakaran Kimpalan

5.9 Pengerusi memaklumkan agar **ILJTM mengambil peluang untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan secara percuma oleh pihak luar seperti CIDB yang menawarkan kursus percuma untuk Kursus Kimpalan.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

Jawatankuasa Kepakaran Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (PPU):

5.10 Pengerusi JK Kepakaran PPU membentang Laporan Peperiksaan Akhir Teknologi PPU seperti di **Lampiran 7.**

Makluman

5.11 KKP(KT) memaklumkan **pembentangan keputusan peperiksaan akhir oleh jawatankuasa kepakaran hanya perlu melibatkan peperiksaan amali sahaja**. Ini kerana empat jawatankuasa membangunkan soalan amali sendiri. Sehubungan itu, **pencapaian pelajar perlu dimaklumkan dalam mesyuarat** untuk melihat sejauh mana pelajar bagi program yang terlibat dapat mencapai standard yang ditetapkan setiap jawatankuasa.

Tindakan: Pengerusi JK berkenaan

Jawatankuasa Kepakaran Elektrik:

5.12 Urusetia JK Kepakaran Elektrik membentang Laporan Peperiksaan Akhir Amali Teknologi Elektrik seperti di **Lampiran 8.**

Makluman

5.13 Pengerusi meminta **pengarah memantau pelaksanaan kursus Elektrik di institut masing-masing** bagi mengelakkan isu seperti di ILP Ipoh berulang.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

5.14 Mesyuarat mencadangkan agar **institut menyediakan Buku Akta untuk rujukan semasa peperiksaan dan dikutip semula selepas peperiksaan tamat bagi mengelakkan pelajar menipu di dalam peperiksaan.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

5.15 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan **ILP Kota Samarahan perlu membuat analisa punca kegagalan yang tinggi bagi persijilan G2**. Pihak institut perlu **mengkaji skrip jawapan pelajar dan mengenalpasti modul-modul yang lemah serta melaksanakan tindakan penambahbaikan**.

Tindakan: P(ILP Kota Samarahan) dan JK EIU

5.16 Mesyuarat bersetuju agar **Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Kekompetenan EIU yang dipengerusikan oleh P(ADTEC Bintulu) diwujudkan bagi mengesahkan soalan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menambahbaik pelaksanaan latihan yang berkaitan dengan persijilan EIU.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

5.17 Mesyuarat ambil maklum dengan cadangan kompetan A0 digabungkan dengan program Teknologi Minyak dan Gas-Elektrik(Plant Downstream).

Makluman

5.18 Mesyuarat bersetuju **ILP Kepala Batas perlu mendaftarkan program-program kompeten Elektrik yang berkaitan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia.**

Tindakan: P(ILP Kepala Batas)

5.19 Pengerusi meminta **semua pengarah ILJTM menimbangkan cadangan untuk menawarkan program PW4 untuk tempoh dua tahun bagi memudahkan pelaksanaan peperiksaan akhir amali dan juga penjimatan dari segi kos, masa dan penglibatan pengajar.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

6.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

6.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 2/2015 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 9.**

Makluman

6.2 Mesyuarat bersetuju **BKT perlu mengedarkan senarai kredit bagi setiap kursus untuk rujukan Pegawai Naziran, BKKL dan pengajar di bengkel.**

Tindakan: P(KT)

6.3 **BKT akan mengedarkan memo menjelaskan pelaksanaan program PERHEBAT di mana pelajar ini tidak perlu mendaftar dalam SPC.01 kecuali pelajar tersebut sanggup mengikuti syarat-syarat persijilan JTM.**

Tindakan: P(KT)

6.4 Mesyuarat ambil maklum **institut yang perlu membuat pembetulan pada dokumen persijilan adalah seperti berikut:**

a) JMTI – Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
b) ILP Kota Bharu - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
c) ILP Kepala Batas - Borang Maklumat Persijilan
d) ILP Kuala Langat - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
e) ILP Labuan - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
f) ILP Kota Kinabalu - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
g) ILP Kota Samarahan - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
h) ILP Miri - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06

Dokumen yang telah dibuat pindaan hendaklah dikemukan ke UPP ibu pejabat dalam tempoh dua minggu daripada tarikh mesyuarat.

Tindakan: P (ILJTM) berkenaan

7.0 PEMBENTANGAN PENAWARAN ROGRAM BAHARU

7.1 KPP(KT) membentangkan prosedur permohonan untuk penawaran program baharu atau program peningkatan tahap kepada ahli mesyuarat seperti di **Lampiran 10.**

Makluman

7.2 Mesyuarat bersetuju **skop dan prosedur permohonan program baharu dan peningkatan tahap ini hanya melibatkan kursus baharu dan peningkatan tahap sahaja tanpa melibatkan kursus-kursus yang diputuskan dalam Program Transformasi Jabatan.**

Tindakan: P (ILJTM) berkenaan

7.3 Mesyuarat dimaklumkan BKT akan mengeluarkan surat perakuan bagi semua kursus yang dijalankan di ILJTM.

Makluman

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Mesyuarat dimaklumkan pihak **JPK telah memberi kelonggaran di mana borang T1003 boleh ditandatangani oleh timbalan pengarah sekiranya pengarah tiada sewaktu verifikasi dijalankan.**

Tindakan: Semua P (ILJTM)

8.2 Mesyuarat ambil maklum **keputusan penawaran program DTK telah diputuskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Program Dua Aliran** pada 28 Januari 2016 seperti berikut:

a) **JMTI menawarkan program Diploma Teknologi Kejuruteraan**.

b) **ADTEC Shah Alam, ADTEC Batu Pahat, ADTEC Taiping dan ADTEC Kulim** akan menawarkan **program Diploma Teknologi Kejuruteraan** dan **Diploma Teknologi Perindustrian**.

c) **ADTEC Kemaman** menawarkan **program Diploma Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Teknologi Perindustrian** bagi **kursus Teknologi Kimpalan, Teknologi Elektrik, Teknologi Instrumentasi, Teknologi Automotif, Teknologi Penyenggaraan Mekanikal dan Teknologi Penyelenggaraan Bangunan dan Fasiliti**. Bagi **kursus Teknologi Binaan (Sivil dan Stuktur) dan Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara hanya akan ditawarkan untuk program Diploma Teknologi Perindustrian sahaja.**

d) **ADTEC Bintulu, ADTEC Jerantut dan ADTEC Melaka** akan menawarkan program **Diploma Teknologi Perindustrian bagi semua kursus**. **Tiada penawaran bagi program Diploma Teknologi Kejuruteraan bermula Januari 2017.**

Tindakan: P(JMTI) dan Semua P(ADTEC)

8.3 **ADTEC dan ILP yang akan menghentikan penawaran program Diploma Teknologi Kejuruteraan masih perlu meneruskan permohonan pentauliahan dengan MQA** memandangkan pelajar sedia ada telah ditawarkan dengan persijilan tersebut.

Tindakan: P (ADTEC) dan P(ILP) berkenaan

8.4 Pengerusi juga meminta supaya **JMTI dan ADTEC meningkat usaha untuk meningkatkan pengambilan pelajar bagi program DTK.**

Tindakan: Semua P (ADTEC) dan P(JMTI)

8.5 Mesyuarat dimaklumkan Unit Kurikulum dan Pentauliahan akan mengadakan Bengkel Penyelarasan PEO dan PLO bagi program DTK pada penghujung bulan Mac.

Makluman

8.6 Mesyuarat memohon **ADTEC dan JMTI supaya membuat ketetapan untuk melaksanakan program Diploma *Single Tier* yang mempunyai *exit policy* atau tidak. Ini kerana JPK meminta supaya JTM memohon kelulusan pelaksanaan *Single Tier* bagi semua kursus yang ditawarkan di ADTEC dan JMTI.**

Tindakan: Semua P(ADTEC) dan P(JMTI)

8.7 Mesyuarat dimaklumkan BKT telah menghantar kertas cadangan pembaharuan pelaksanaan program kendiri bagi 2016 hingga 2017. Selain dari itu, permohonan untuk menggunakan markah lulus bagi setiap komponen iaitu 50 peratus seperti penilaian JTM juga dimasukkan di dalam permohonan tersebut.

Makluman

8.8 Pengerusi menyarankan agar **ADTEC berkomunikasi dengan ILP yang akan menyalurkan pelajar bagi program Diploma Integrasi kursus yang berkenaan untuk melancarkan proses pengambilan pelajar.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

8.9 Pengerusi mengingatkan semua **ILJTM agar mengemaskini pendaftaran harta modal dan inventori stok serta memastikan pusingan stok dipantau dengan lebih baik.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

8.10 Pengerusi meminta semua **pengarah memantau perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor perkhidmatan di institut masing-masing dan mengenakan denda jika perkhidmatan yang diberikan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

8.11 Mesyuarat ambil maklum **ILP boleh menawarkan program hingga Tahap 4 sekiranya kursus tersebut tidak dilaksanakan ADTEC atau kapasiti di ADTEC tidak boleh menampung permintaan bagi kursus berkenaan.**

Tindakan: Semua P (ILP)

9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

1. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI
   P (JMTI) - PENGERUSI MESYUARAT

2. EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD
   PENGARAH ADTEC MELAKA

3. TN. HJ NORMAN BIN KUSIN
   P (PK)

4. EN. ZURAKA BIN YUSOF
   PENGARAH ADTEC SHAH ALAM

5. IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM
   PENGARAH ADTEC TAIPING

6. TN. HJ MANOJ BIN JUMIDALI
   PENGARAH ADTEC BATU PAHAT

7. TN. HJ. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI
   PENGARAH ADTEC JERANTUT

8. EN. KAMARUZAMAN BIN MAT ALI
   PENGARAH ILP KUALA LUMPUR

9. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI
   PENGARAH ADTEC BINTULU

10. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN
    PENGARAH ADTEC KEMAMAN

11. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI
    PENGARAH ADTEC KULIM

12. EN. AHMAD ISKANDAR BIN SULAIMAN
    TP (PK)

13. EN. AZMIR BIN MOHD YUNUS
    P (KT)

14. CIK JUNITA BINTI MOHAMED ALI
    P (PP)

15. PUAN SUZANA BINTI MOHAMMED ZUHDI
    P (PL)

16. EN. ZAINUDDIN BIN AHMAD
    PENGARAH ILP KOTA BHARU

17. EN. AZMAN BIN HJ IBRAHIM
    PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL

18. EN. SARMAN BIN HJ RAWAN
    PENGARAH ILP PASIR GUDANG

19. EN. KAMARULZAMAN BIN CHU ABDUL RANI
    PENGARAH ILP KUALA LANGAT

20. EN. ZULKIFLE BIN OMAR
    PENGARAH ILP MARANG

21. EN. ZAMZURI BIN HASSAN
    PENGARAH ILP KEPALA BATAS

22. EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID
    PENGARAH ILP SELANDAR

23. EN. JAMIL BIN YAHAYA
    PENGARAH ILP IPOH

24. PN. NORLIZA BINTI YAAKUB
    PENGARAH ILP PERAI

25. EN. ABDULLAH BIN MUHAMAD
    PENGARAH ILP LABUAN

26. PN. FAIZAH BINTI HARUN
    PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU

27. PN. ROSNAH BINTI MUHAMAD TAHIR
    PENGARAH ILP MIRI

28. EN. A. RAHMAD NGAH
    PENGARAH ILP BUKIT KATIL

29. EN. ZAKIR BIN MAHMUD
    PENGARAH KOTA SAMARAHAN

30. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF
    PENGARAH ILP PEDAS

31. EN. MUSTAL BIN MAKMUD
    PENGARAH ILP KOTA KINABALU

32. EN. MUHAMAD NASIR BIN SAMAT
    PENGARAH ILP KANGAR

33. EN. MOHAMMAD MUSA BIN AHMAD
    PENGARAH ILP LEDANG

34. EN. ZAID BIN ZAHARI
    WAKIL PENGARAH ILP KUANTAN

35. EN. MOHD RARIS BIN MOHAMED YUSOF
    WAKIL PENGARAH ILP JITRA

36. PN. AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE
    KPP (KT)

37. EN. REDZUAN BIN MAT ZAIN
    SETIAUSAHA JAWATANKUASA KEPAKARAN AUTOMOTIF

38. EN. PETER WONG
    WAKIL PENGARAH ILP SANDAKAN

39. EN. SYAHRULNIZAM BIN RAZALI
    WAKIL PENGARAH ILP MERSING

40. EN. SYAHRIL AZLI BIN ABD RAHMAN
    URUSETIA JAWATANKUASA KEPAKARAN PPU

41. EN. KAMAL BIN ABU
    URUSETIA JAWATANKUASA KEPAKARAN KIMPALAN

URUS SETIA

1. EN. NORHASNI BIN DAKIE
   PP (KT)

2. PN. NORPISAH BINTI JUMIN
   PP (KT)

3. NURUL AZREEN BINTI AZIZ
   PP (KT)

4. PN. NORALIZA BT MUHAMAD
   PPP (KT)

Disediakan oleh:
Bahagian Kawalan Teknikal
Jabatan Tenaga Manusia